



# KOPI PAHIT

Perbuatan Sukarno dengan konfrontasinya kepada Malaya, nampaknya berniat untuk menyusahkan umat di Tanah Melayu. Dahulunya, Malaya membelanjakan hasil mahsulnya kerana pertahanan negeri tidak sampai sepuluh peratus daripada hasil semuanya. Dengan terpaksa kerana ugutan Sukarno, Malaya terpaksa berbelanja lebih yang ertinya perbuatan Sukarno menyusahkan hidup orang-orang di Malaya.

\* \* \*

Kesatuan Kerani Perkhidmatan Awam, telah mengishtiharkan menahan langkah-langkahnya untuk meminta ahli-ahli “bekerja mengikut peraturan” sebagai suatu langkah untuk tuntutan mereka. Ini dibuat kerana melihat keadaan Tanah Melayu yang diugut oleh Indonesia. Syabas! Ini satu langkah lelaki menunjukkan tetap setia kepada kerajaan dalam masa menghadapi musuh. Tidakkah ini diperhati oleh Ustaz Hasan Adli, yang suka berkata menyebelah kepada “musuh”?

\* \* \*

Pesuruhjaya British di negara Asia, Lord Selkirk menyatakan, bahawa tidak ada satu-satu bendungan yang dapat menghalang pembentukan negara Malaysia. Perkataan tegas ini patut didengar baik-baik oleh komplotan Sukarno. Ini bermakna bahawa lautan Malaya tidak dikawal hanya oleh angkatan kecil Malaya tetapi... Hah! Cubalah Bung Karno! Jangan main gertak-gertak sambal sahaja. Kali ini harus bertemu buku dengan ruas.

\* \* \*

Di sana sini di Indonesia heboh dengan berita rakyat kelaparan dan kekurangan beras. Kalau dahulu majalah ini mengingatkan “Selagi Sukarno memerintah negara Indonesia akan hancur” sekarang ada bukti – negara Indonesia sudah pun mulai hancur.

\* \* \*

Abuya Sirajuddin Abbas, dari Perti nampaknya jadi jaguh “Islam” masuk di dalam Nasakom Sukarno. Ya Abuya, apa orang di Malaya tidak kenal sifat *mudhabdhab* abuya itu! *WaLlāhi* orang masih ingat siapa *anta* ya Abuya zaman Belanda dan siapa *anta* zaman Merdeka! Insaflah ya Abuya, umur sudah tua kubur kata mari Abuya bilang nanti! *Mā shā-Allāh*.

\* \* \*

Orang-orang PAS ribut kerana tangkapan atas Azahari dahulu terutamanya oleh “panglima jihadnya” al-Ustaz Hasan Adli. Ya ustaz, Azahari siapa dalam perjuangan agama. Mengapa ustaz tiada mau bantah<sup>1</sup> mengapa Mohammad Natsir dikurung, Isa Anshari dipenjara, Hasan Aidid, Boerhanoeddin Harahap, Doktor Soekiman dan lain-lainnya dipenjarakan Sukarno dengan tidak dibicarakan. Ya ustaz dimanakah tinggalnya pelajaran ustaz tentang *ukhwah islamiyyah*. Kalau tidak mau tau hal Islam – buka sahaja parti lain kan lebih baik ustaz.

\* \* \*

Seorang dosen (mahaguru) Indonesia menulis surat kepada kita bahawa gaji yang diterima sebulan tidak cukup makan seminggu. Beginilah Indonesia – jadi mahaguru (pemimpin pendidikan) begitu payah – bagaimana mereka boleh mengajar? Inilah ulah komplotan Sukarno. Mereka senang-senang dan ada pula menterinya kononnya buang isteri tua kawin sama *film star* - siapa dia? Tanya

**Cemeti al-Farouk.**

<sup>1</sup> Teks asal kurang jelas. Mungkin ‘bantah’ berdasarkan konteks ayat.